



جَبَاتَانِ كَهَاكِيمَانِ سَيَرِيَاةٍ پَهَاڠِ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG

Jalan Masjid
25000 KUANTAN

PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-517 7966
Faks : 09-513 4805
Web : <http://pahang.jksm.gov.my>
E-mail : jksps@esyariah.gov.my

Ruj. Tuan : JKSP 600-1/3/1 (II)
Takwim : 13 Muharram 1442H
Tarikh : 01hb September 2020

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 3 TAHUN 2020

Menghidupkan Semula Kes

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil 1/2020 pada 24hb hingga 26hb Ogos 2020 bersamaan 5 hingga 7 Muharram 1442H di Bilik Mesyuarat Pejabat Agama Islam Daerah Rompin telah bersetuju untuk mengesahkan dan menerima pakai Arahan Amalan No 12 Tahun 2005 berkaitan prosedur Menghidupkan Semula Kes yang telah dibuang atau ditolak sebelum selesai dengan pindaan sepertimana berikut:

1. Pindaan Perenggan 2 iaitu pemfailan dengan memberikan kod kes yang baru kepada kes yang dihidupkan semula itu pada fail kes yang baru.
2. Pendengaran permohonan Menghidupkan Semula Kes dari Mahkamah Rendah Syariah dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah manakala pendengaran permohonan Menghidupkan Semula Kes Mahkamah Tinggi Syariah dibuat di hadapan Ketua Hakim Syarie.
3. Permohonan Menghidupkan Semula Kes dari Hakim hendaklah didaftarkan mengikut pendaftaran lazim.
4. Bayaran pendaftaran permohonan Menghidupkan Semula Kes adalah mengikut Kaedah-kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun dan Kos) 2005.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01hb September 2020.

(Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Md Yunos, SSAP., DIMP., SMP., PKC.)

~~Ketua Hakim Syarie~~

Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

KUANTAN
2020

"SYARIAH ASAS KEADILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO. ARS404